



RAKAN MUDA SEBAGAI PENYAMBUNG KEMAJUAN

Oleh:

*Jasiman Bin Ahmad
& Nora Binti Samat*



GOODMARK ENTERPRISE
Kuala Lumpur

GOODMARK ENTERPRISE

29A, Jalan Jejaka Lima,
Taman Maluri, Jalan Cheras,
55100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-9828198
Fax: 03-9827449

© **GOODMARK ENTERPRISE**

Cetakan Pertama2000

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak Penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Jasiman bin Ahmad

Rakan muda sebagai penyambung kemajuan / Jasiman bin
Ahmad, Nora binti Samat.

(Siri pembangunan negara)

ISBN 983-057-210-2 (set)

ISBN 983-057-213-7

Youth--Services for--Malaysia. 2. Teenagers--Services for--
Malaysia. I. Nora binti Samat. II. Judul. II. Siri.

303.49595

Dicetak Oleh: **Image Design Enterprise**
Kuala Lumpur

M

305 2309595

JAS ✓

- 3 NOV 2003

NASKAH PEMELIHARAAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01114567

PRAKATA

PELBAGAI usaha yang dilakukan oleh kerajaan telah merangsang kemajuan negara menjelang alaf baru. Pengenalan dasar-dasar yang digubal sejak mencapai kemerdekaan sehingga kini adalah sebagai landasan kerajaan untuk menyaksikan pertumbuhan negara dalam segala sudut.

Sehubungan itu, kerajaan menggalakkan masyarakat supaya mengikuti garis panduan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dalam usaha untuk memajukan negara. Ini disebabkan perancangan yang dibuat kerajaan akan membolehkan semua pembangunan dapat dicapai dengan jayanya.

Siri Pembangunan Menjelang Alaf Baru menerangkan secara terperinci mengenai kemajuan pelbagai aspek sama ada berkaitan dengan negara, dasar-dasar yang dilancarkan ataupun peranan rakyat Malaysia. Oleh kerana pengolahan bahasa yang mudah dan menyeluruh, diharapkan siri ini membantu masyarakat Malaysia mengetahui kemajuan negara secara menyeluruh.

PENERBIT

KANDUNGAN

	<i>Muka Surat</i>
Pengenalan	1
Falsafah Rakan Muda	3
Aktiviti Yang Dijalankan Di Bawah Rakan Muda	11
Kewujudan Rakan Muda Untuk Golongan Remaja	28
Kawasan Tumpuan Jenayah Remaja	38
Kejayaan Rakan Muda	42
Program Kerajaan Dalam Pembangunan Belia Dan Remaja	50
Rakan Muda Menghadapi Cabaran Negara Maju	54
Kesimpulan	58

BAB 1

PENGENALAN

Pembentukan identitas generasi muda yang positif lagi produktif teramat penting dalam menjamin pencapaian wawasan murni negara sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Kementerian Belia dan Sukan meraih kepakaran dan kebijaksanaan remaja melalui agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta telah mengubal suatu program yang mampu dimanfaatkan oleh generasi muda, masyarakat dan negara.

Wawasan Rakan Muda yang tercetus daripada Wawasan 2020 akan membawa satu pendekatan untuk memperkukuhkan dan memperkayakan orientasi nilai dalam masyarakat. Pada masa yang sama program ini akan menyemarakkan gaya hidup berkualiti dan berwawasan yang merelakan golongan muda untuk mencari identitas diri dan generasinya. Oleh itu Rakan Muda menjadi penyumbang positif kepada institusi keluarga,

agama, masyarakat, sekolah, media massa, golongan sebaya dan pertubuhan swadaya yang mempunyai kesan langsung kepada generasi muda.

Sememangnya pembentukan sistem nilai dan gaya hidup berwawasan tidak dapat dizahirkan tanpa persefahaman serta sokongan padu daripada agensi kerajaan. Sesungguhnya permasalahan dan tanggungjawab membentuk identitas generasi muda harus dipikul bersama oleh semua institusi formal, pertubuhan swadaya dan sektor swasta.

Segala kerjasama, sokongan dan bantuan daripada semua pihak begitu penting dan amat diharapkan supaya generasi muda hari ini yang merupakan khazanah paling berharga negara akan mewarisi sistem nilai dan gaya hidup berkualiti dan seterusnya muncul sebagai pemimpin serta pengisi wawasan negara.



Logo Rakan Muda, yakin boleh

LAGU RAKAN MUDA

Yakin Boleh

*Masanya telah tiba
Bertekad, bersemangat
Capai cita murnimu
Rakan Muda*

*Pewaris era jaya
Harapan bangsa
Berusaha dan berjaya
Rakan Muda*

*(Chorus)
Di mana jua
Hargai Diri
Serlahkanlah*

*Kecemerlanganmu
Rakan Muda*

*Impian akan terlaksana
Bersemangat waja terus berusaha
Keazaman terus membara
Yakin boleh
Rakan Muda*

*Masanya telah tiba
Bertekad, bersemangat
Capai cita murnimu
Rakan Muda*

*Bersemangat waja terus berusaha
Keazaman terus membara
Yakin boleh
Rakan Muda, Rakan Muda!*

BAB 2

FALSAFAH RAKAN MUDA

Pada dasarnya Rakan Muda diwujudkan untuk melahirkan generasi yang berpotensi sebagai peneraju utama di masa hadapan. Oleh itu sasaran lebih tertumpu kepada remaja yang berusia di bawah 25 tahun. Remaja ini akan menjadi dewasa dalam masa 20 tahun akan datang. Pada usia sekitar 40-an, pelbagai perancangan akan terlaksana. Oleh itu penerapan nilai-nilai yang positif akan diserapkan ke dalam jiwa remaja pada masa kini.

Bagi memastikan remaja

yang dilahirkan mempunyai kualiti seperti yang diharapkan, terdapat pelbagai falsafah yang boleh didapati dalam Rakan Muda. Antaranya:

- i. Ekonomi
- ii. Pendidikan
- iii. Keagamaan
- iv. Perpaduan
- v. Semangat patriotik
- vi. Keadilan
- vii. Pembangunan personaliti
- viii. Penggerak
- ix. Autonomi
- x. Kesukarelaan
- xi. Sejahtera



Golongan remaja adalah teras pembangunan di masa hadapan

i. Ekonomi

Penemuan kajian mendapati ekonomi merupakan faktor penting dalam mengubah negara menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Penekanan diberikan kepada remaja untuk melahirkan generasi yang pragmatik, dinamik, berkebolehan dan berkualiti untuk memastikan kejayaan negara.

Segala usaha yang berkaitan dengan ekonomi seperti dalam sektor industri, pertanian, pembinaan atau pembangunan maklumat penting dan diserapkan dalam jiwa remaja. Ini adalah untuk memberi gambaran tentang ekonomi negara di masa hadapan. Oleh itu golongan remaja dapat memilih kerjaya mereka pada masa hadapan terutama yang berkaitan dengan ekonomi.

ii. Pendidikan

Pendidikan adalah penting untuk melahirkan remaja yang benar-benar mampan dalam segala sudut. Pendidikan diberi mengikut peringkat dan kecenderungan remaja supaya dapat memilih membangunkan diri pada masa hadapan tanpa ada kongkongan orang lain.

Pendidikan perlu mencakupi semua bidang sama ada yang berkaitan dengan sains,

teknologi, kemasyarakatan dan sebagainya. Oleh itu setiap pelajar akan didedahkan dengan pelbagai ilmu untuk pengisian di masa hadapan.

iii. Keagamaan

Unsur agama merupakan salah satu kajian yang diberi penekanan yang sewajarnya. Unsur ini mampu menangani aspek pembangunan rohani dan membawa kepada pembangunan sehingga membanteras kepincangan sosial yang dihadapi remaja masa kini. Oleh itu pendidikan moral dan pembentukan peribadi unggul memerlukan penekanan yang sewajarnya.

Lazimnya para pelajar Islam akan ditekankan dengan pendidikan agama Islam dari peringkat asas sehingga ke pusat pengajian tinggi. Masyarakat bukan Islam pula akan diajar dengan pendidikan moral. Ini penting untuk mengimbangi keperluan pendidikan agama dan sekular supaya seiring.

iv. Perpaduan

Perpaduan merupakan aspek yang paling ditekankan dalam melahirkan remaja yang bertolak ansur dalam penyatuan antara kaum. Perpaduan ini dapat mengeratkan hubungan yang baik

antara kaum dalam menerajui negara pada masa hadapan.

Oleh itu Kementerian Pendidikan telah menetapkan supaya semua kaum disatukan dalam pendidikan yang sama di peringkat menengah. Ini adalah sebagai asas dalam penyatuan kaum di negara ini.

v. Semangat Patriotik

Unsur patriotik pula menekan remaja sanggup mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman luar. Oleh itu setiap remaja perlu menghayati aspirasi dan identiti negara untuk menaikkan negara di mata dunia.

Lazimnya semangat patriotik ini diserapkan dalam pendidikan, sukan, hiburan dan sebagainya. Perasaan ini penting untuk memastikan supaya semangat kecintaan terhadap negara tetap ada dalam jiwa remaja.

vi. Keadilan

Remaja perlu diserapkan dalam unsur keadilan pada semua kaum apabila melakukan sebarang pekerjaan. Pertimbangan yang sewajarnya adalah perlu supaya remaja tidak berasa tertekan apabila memerlukan golongan dewasa untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Umumnya banyak kegiatan negatif yang melibatkan remaja dan golongan ini sering dipersalahkan. Seharusnya golongan ini juga diberi peluang untuk membela diri. Oleh itulah sokongan semua pihak adalah perlu.

vii. Pembangunan Personaliti

Pembangunan personaliti merupakan unsur penting untuk mewujudkan personaliti yang baik kepada remaja mengikut acuan sendiri. Pembangunan ini perlu mencerminkan para pemimpin yang berjaya untuk memastikan menjadi seorang yang berguna di masa hadapan.

Oleh itu golongan remaja juga perlu menerapkan nilai-nilai positif untuk memastikan golongan tersebut dapat menimangkannya dalam membentuk personaliti yang baik. Ini penting kerana kebanyakan remaja perlu mempunyai personaliti yang baik terutama apabila menceburi dunia pekerjaan.

viii. Penggerak

Penggerak ini lebih menekankan kepada aspek kepimpinan remaja sendiri. Golongan remaja perlu diberi peluang untuk menggerakkan persatuan atau bergaul dalam masyarakat secara terbuka. Ini disebabkan golo-



Remaja disarankan menganggotai badan-badan beruniform

ngan remaja merupakan penera-
jan negara di masa hadapan.

Menyedari hakikat inilah
semua aktiviti yang melibatkan
aktiviti masyarakat perlu diang-
gotai golongan remaja. Ini ada-
lah sebagai persediaan untuk
mereka memberanikan diri un-
tuk menganggotai pelbagai per-
satuan dan syarikat di masa
hadapan.

ix. Autonomi

Autonomi adalah satu bidang
yang merangkumi kebebasan
dan penekanan kepada daya
usaha remaja untuk bertindak.
Kuasa bertindak ini dilakukan

dengan tunjuk ajar golongan
belia ke arah melahirkan remaja
yang berkualiti.

x. Kesukarelaan

Kesukarelaan lebih menjurus
kepada aspek yang berkaitan
dengan perkhidmatan secara
sukarela tanpa paksaan. Penum-
puan remaja lebih kepada mena-
ngani masalah yang sering tim-
bul berkaitan masyarakat di
negara ini.

Oleh itu golongan remaja
perlu menceburi pelbagai bi-
dang yang berkaitan dengan
badan-badan sukarelawan se-
perti pengakap, bulan sabit me-

rah, St. John ambulan dan sebagainya. Persatuan ini dapat membantu masyarakat apabila berada dalam kesusahan.

xi. Sejagat

Unsur sejagat menekankan penglibatan remaja di peringkat antara bangsa. Oleh itu setiap pelajar yang belajar di luar negara perlu menganggotai persatuan yang lebih bercorak universal. Ini adalah sebagai satu pendedahan kepada golongan remaja untuk menerajui syarikat-syarikat yang berkaitan pengeksportan dan pengimportan pada masa hadapan.

KEANGGOTAAN AHLI RAKAN MUDA

Rakan Muda merupakan salah satu gaya hidup yang telah direncanakan oleh kerajaan secara terperinci. Gaya hidup ini mencakupi pelbagai aspek sama ada yang berkaitan dengan kecenderungan atau kebolehan remaja itu sendiri.

Sebaik sahaja Rakan Muda dilancarkan pada 24 Oktober 1994, jumlah remaja yang menyertai program ini amat menggalakkan. Semua ini adalah inisiatif pelbagai agensi dan tidak bergantung kepada kerajaan semata-mata. Badan Bukan Kerajaan atau NGO memainkan pera-



Remaja perlu diberi tanggungjawab dalam sesuatu majlis atau persatuan

nan yang cukup penting untuk memastikan kejayaan ini.

Hampir setiap hari terdapat beberapa penyertaan daripada pelbagai golongan remaja yang tidak hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja bahkan di luar bandar. Ini disebabkan Rakan Muda menyajikan pelbagai aktiviti yang cukup menarik.

Sehingga bulan Disember 1998, seramai lebih 1.4 juta orang remaja telah menyertai Rakan Muda. Sambutan masyarakat bukan Melayu terhadap rakan Muda semakin mengalakkan.

Walaupun jutaan remaja yang menyertai Rakan Muda, namun jumlah tersebut masih sedikit jika dibandingkan dengan golongan remaja di negara ini. Bahkan masih terdapat kedengaran di kawasan pedalaman yang tidak didedahkan dengan Rakan Muda.

GOLONGAN SASARAN

Rakan Muda yang dilancarkan mencakupi 10 aktiviti utama bagi memastikan golongan remaja mendapat pendedahan mengikut program yang disediakan. Sungguhpun penyertaan ahli terbuka kepada golongan belia, tetapi golongan sasaran adalah remaja yang berumur antara 18 hingga 25 tahun.

Terdapat beberapa faktor yang membolehkan golongan

tersebut diberi keutamaan dalam program ini. Kebanyakan golongan ini masih di bangku sekolah. Oleh itu masa mereka banyak yang terluang terutama musim cuti sekolah.

Ketiadaan aktiviti yang sewajarnya boleh menjuruskan remaja untuk melakukan aktiviti yang kurang sihat seperti melepak, menghisap rokok, merayau di pusat membeli-belah dan sebagainya. Dengan adanya aktiviti seperti Rakan Muda ini sedikit sebanyak dapat mengisi masa terluang mereka.

Selain itu remaja yang berada di peringkat umur tersebut tidak mempunyai cita-cita yang tertentu. Mereka tidak mengetahui pekerjaan yang akan dilakukan apabila dewasa kelak. Terdapat segelintir remaja yang gagal di alam persekolahan dan masih menganggur kerana tidak mempunyai sebarang kemahiran. Oleh itu mereka mempunyai peratusan yang tinggi untuk melakukan aktiviti yang tidak berfaedah.

Menyedari hakikat ini Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir adalah antara gaya hidup yang mampu memberi sokongan kepada golongan remaja yang tidak mempunyai arah tujuan. Dengan ini Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir diyakini dapat memberi tunjuk ajar dalam dunia perniagaan. Mereka boleh mencuba dan terus memprak-

tikannya. Justeru itu Rakan Muda mampu memberi petunjuk dan dorongan golongan remaja supaya mencorak hidup mereka apabila dewasa.

PUSAT RAKAN MUDA

Rakan Muda merupakan satu program yang dijalankan secara menyeluruh di seluruh negara. Program ini tidak hanya tertumpu di kawasan bandar tetapi juga ke kawasan pedalaman. Objektif utama program ini adalah untuk memastikan supaya semua golongan mengambil bahagian dan aktif dalam 10 gaya hidup yang dilancarkan melalui Rakan Muda.

Sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) yang bermula pada tahun 1996, sebanyak 23 Pusat Rakan Muda dan sembilan Institut Kemahiran Belia Negara (IKB) akan dibina di seluruh negara.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Loke Yuen Yow menyatakan Kementerian Belia dan Sukan berharap supaya pusat tersebut siap sebelum kajian semula RMK-7 supaya peruntukan tambahan dapat dipohon untuk memastikan lebih banyak kemudahan seumpama itu diadakan.

Kementerian juga memberi keutamaan kepada negeri yang tidak mempunyai kemudahan

kompleks sukan dan jumlah belia di daerah yang melebihi 38 000 orang. Ini adalah penting bagi memastikan golongan remaja khususnya dapat manfaat daripada penubuhan pusat tersebut.

Pada peringkat awal sebanyak 19 Pusat Rakan Muda akan dibina. Pada masa yang sama kerajaan juga telah mengenalpasti beberapa kawasan baru yang berpotensi untuk didirikan pusat Rakan Muda. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mendirikan sebuah pusat bagi setiap daerah terutama daerah yang jauh daripada pemodenan.

Antara negeri yang bakal ditubuhkan dua pusat Rakan Muda ialah Perak (Larut Matang, Slim River), Negeri Sembilan (Jempol, Kuala Pilah), Pulau Pinang (Seberang Prai Selatan, Georgetown), Pahang (Temerloh, Maran), Terengganu (Kemaman, Besut), Selangor (Klang, Petaling) dan Sabah (Kota Kinabalu, Tawau).

Negeri yang akan mendapat sebuah pusat itu ialah Melaka (Alor Gajah), Johor (Muar), Kedah (Sungai Petani), Kelantan (Pasar Mas) dan Wilayah Persekutuan (Wangsa Maju).

Kementerian Belia dan Sukan juga mencadangkan akan menempatkan pejabat pertubuhan belia, bilik persidangan, gimnasium, komputer serta peralatan lain yang difikirkan se-



Institut Kemahiran Belia Negara melahirkan ramai tenaga mahir

suai. Ini sejajar dengan sambutan golongan remaja yang semakin meningkat setiap tahun.

Pada masa yang sama Kementerian Belia dan Sukan juga telah memohon peruntukan daripada kerajaan supaya menyenaraikan kawasan yang berpotensi untuk dimajukan selain daripada peruntukan kewangan. Ini penting supaya program Rakan Muda dapat disebar dengan lebih cepat dan menyeluruh.

Kementerian Belia dan Sukan juga telah menubuhkan sebanyak tujuh Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan

dua institut ini akan diperluaskan, manakala empat lagi akan dinaiktarafkan. Antara IKBN yang dinaiktarafkan ialah IKBN di Kuala Perlis (Perlis), Seberang Prai Tengah (Pulau Pinang), Rembau (Negeri Sembilan), Alor Gajah (Melaka), Bachok (Kelantan), Kota Kinabalu (Sabah), Miri (Sarawak), Pagoh (Johor) dan Temerloh (Pahang).

Kementerian Belia dan Sukan telah menaikkan IKBN Sebang sebagai pusat kemahiran tinggi bagi jurusan yang ditawarkan dan dinamakan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN).


BAB 3

AKTIVITI YANG DIJALANKAN DI BAWAH RAKAN MUDA

i. Rakan Sukan (Sport)

Terdapat pelbagai peringkat yang dilakukan oleh kerajaan untuk melahirkan lebih ramai ahli sukan. Oleh itu pihak Kementerian Pendidikan telah menggalakkan semua sekolah mengadakan sukan tahunan untuk memberi ruang pihak sekolah mencungkil bakat pelajar dalam bidang sukan.

Sejak sekolah rendah lagi pelbagai acara sukan diperkenalkan. Kemudian pelajar yang berbakat akan diserapkan ke sekolah yang khusus mempelajari bidang sukan secara terperinci. Bagi remaja yang berkebolehan akan dihantar keluar negara untuk memastikan pencapaian tahap kesukanan meningkat. Ini penting supaya lebih ramai lagi ahli sukan di kalangan remaja dapat dilahirkan. Remaja



Stadium tenis yang bertaraf antara bangsa

yang mendapat pendedahan adalah seiring dengan atlit luar negara. Oleh itu pendedahan sukan di arena antarabangsa adalah perlu.

Sememangnya sukan menyumbang kepada pengalakan pertandingan yang sihat, muhibbah, toleransi, kesefahaman, kualiti moral dan fizikal, dengan memberi satu landasan yang selesa untuk mengintegrasikan di kalangan remaja. Sukan mempunyai kesan-kesan manfaat yang amat besar terhadap individu, masyarakat dan seterusnya negara.

Rakan Sukan boleh menyumbang kepada:

- a. Pembentukan sahsiah, kesedaran diri dan semangat pertarungan
- b. Peningkatan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal
- c. Penggunaan masa lapang yang berfaedah dan bermakna
- d. Pengurangan tekanan hidup moden
- e. Interaksi sosial yang bermakna
- f. Perkembangan kemahiran-kemahiran asas

Di peringkat masyarakat, sukan membantu kepada:

- a. Pengalakan pembinaan kualiti fizikal dan moral
- b. Memupuk perhubungan antara kaum
- c. Peningkatan tahap kesihatan

- d. Pencegahan jenayah remaja dengan peluang yang memanfaatkan

Di peringkat antarabangsa pula sukan membantu kepada :

- a. Pencapaian kecemerlangan di peringkat antarabangsa
- b. Peningkatan maruah bangsa
- c. Pemupukan persahabatan

Selain itu Kementerian Belia dan Sukan juga telah menubuhkan pelbagai kompleks sukan yang bertaraf antarabangsa. Antaranya stadium, kelab sukan, gimnasium dan klinik sukan yang lain. Ini adalah untuk memastikan kemajuan sukan untuk Malaysia berhadapan dengan sukan tahunan seperti ASEAN, Asia, Komanwel dan Olimpik. Sungguhpun pencapaian negara masih di tahap yang belum membanggakan, namun cara ini dapat meningkatkan mutu sukan negara di masa hadapan.

ii. Rakan Waja Diri (Martial Arts)

Para remaja boleh mempelajari pelbagai seni mempertahankan diri seperti seni silat, teakwondo, karate-do, wushu, judo, silambam, kalari payat, aikido dan silat kalimah. Rakan Waja Diri ini memberi peluang kepada remaja untuk mengisi masa la-

pang dengan bergiat cergas dan mempelbagaikan kemahiran, ketahanan dan kekuatan untuk mengawal emosi agar lebih positif.

Terdapat banyak objektif yang disasarkan dalam Rakan Waja Diri ini. Antara yang terpenting sekali ialah menjadikan remaja seorang yang berdisiplin dan bersemangat tinggi. Ilmu mempertahankan diri yang dipelajari menuntut kesabaran untuk menjadi seorang yang berilmu. Sekiranya remaja ingin mencapai kemajuan diri, sikap kesabaran dan kecekalan penting.

Selain itu seni mempertahankan diri ini juga mampu menolong masyarakat yang mengalami kesusahan. Sekurang-kurangnya dapat membela diri atau insan yang lemah apabila berhadapan dengan musuh.

Walaupun pada dasarnya seni mempertahankan diri ini merupakan satu aktiviti yang sihat, tetapi mempunyai pengertian dalam penyambung warisan seni bangsa. Sekiranya remaja tidak digilapkan dengan seni ini, sudah pasti akan hilang begitu sahaja.

Pada masa yang sama seni mempertahankan diri sudah menjadi satu acara dalam sukan bertaraf antara bangsa. Silat, teakwondo, karate-do dan sebagainya menjadi acara sukan yang menarik. Ini disebabkan

seni mempertahankan diri ini bukan sahaja mempunyai keunikan tetapi menjadi identiti sesebuah negara.

Semanganya Rakan Waja Diri merupakan salah satu aktiviti gaya hidup pergerakan Rakan Muda yang berkembang ke seluruh negara. Terdapat pelbagai kategori ilmu mempertahankan diri mengikut kaum. Setiap kaum digalakkan menyertai ilmu mempertahankan diri daripada pelbagai kaum.

a. Ilmu Mempertahanan Diri Masyarakat Melayu

Masyarakat Melayu kaya dengan ilmu mempertahankan diri. Terdapat puluhan-puluh jenis ilmu yang diamalkan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Antaranya Seni Silat Gayong. Seni silat ini terkenal dengan teknik pertarungan yang agresif dan teknik kuncian yang mengkagumkan kerana mempunyai lebih daripada 349 buah teknik pukulan dan kuncian. Di samping itu pesilat turut diajar bermain dengan pelbagai alat senjata seperti pisau, parang, simbat, keris, lembing dan cindai.

Seni Gayong Fatani pula merupakan silat yang berasal dari Kedah ini merupakan seni silat Melayu yang mempamerkan pergerakan yang lembut

dari segi langkah dan tarinya namun disebalik kelembutan itu tersimpan gerak pukulan dan kuncian yang mantap serta mampu menewaskan musuh yang datang menyerang.

Sesuai dengan namanya Seni Silat Kegayongan Acheh Helang Putih, silat ini mempunyai pergerakan seperti seekor helang yang sedang berjuang. Teknik pukulan dan serangan juga mirip pergerakan helang menyambar mangsa. Mengikut legenda Helang Putih berasal dari seorang putera raja yang termakan sampah.

Silat Sendeng terkenal de-

ngan teknik pukulan yang pantas dan silat ini berpandukan prinsip memukul lebih baik dari menunggu serangan. Kedudukan menantinya yang mengiring dan menyendeng menyebabkan silat ini dinamakan Silat Sendeng.

Seni Silat Lincah pula menentukan tahap ketahanan dan kelasakan para pesilatnya. Ujian kebatinan seperti mandi dengan minyak panas, dada dipukul dengan belantan dan ditetak dengan parang akan dilakukan. Boleh dikatakan keseluruhan ahlinya melepasi ujian tersebut.

Seni Silat Cekak berpegang kepada konsep menanti musuh



Tidak ramai di kalangan remaja yang menceburi bidang kesenian

dalam keadaan berdiri. Setiap serangan dengan kaki, tangan atau bersenjata diatasi dengan menggunakan 21 kaedah atau teknik yang terkandung dalam pelajaran ini.

Seni Silat Kalimah ini berkonsepkan menanti serang musuh dalam keadaan berdiri. Silat Kalimah tidak menyerang sebaliknya menantikan serangan musuh dan setiap serangan dipatahkan dengan kaedah mengunci sehingga boleh menyebabkan musuh lemah, patah atau maut.

Alam Seni Ilmu Persilatan Rancak pula lebih menitikberatkan pelajaran cara bertempur yang sebenar. Para pesilatnya akan diajar untuk berhadapan dengan musuh. Latihan seni silat ini lebih tertumpu kepada cara tentangan antara satu lawan satu atau satu lawan ramai di samping beberapa teknik tendangan dan pukulan.

b. Ilmu Mempertahanan Diri Masyarakat Cina

Tai Chi Huang mula bertapak di Malaysia sekitar tahun 1959 iaitu di Kuching, Sarawak. Pergerakannya yang lembut dan disertakan dengan kaedah pernafasan dalam setiap pergerakan dipercayai dapat mengubati serta menghindari pelbagai jenis penyakit.

Wing Chun terkenal dan

kelebihan seni ini terletak kepada tangan yang pantas serta pukulan yang padu. Seni ini tidak banyak menggunakan kaki dan amat sesuai untuk wanita.

Di samping sebagai latihan untuk kesihatan, seni Goh Chor Kung Fu sebenarnya mempunyai kaedah mempertahankan diri yang agresif terutama cara serangannya yang bertubi-tubi ke atas pihak lawan. Seni mempertahankan diri ini sesuai untuk pertempuran jarak dekat dan jauh.

c. Ilmu Mempertahanan Diri Masyarakat India

Silambam telah wujud sejak 5000 tahun dahulu di pergunungan Krunji, India. Seni ini terbukti dan terkenal dengan kepakaran para ahlinya mengendalikan kayu sepanjang 5.5 kaki sebagai senjata untuk mempertahankan diri. Pakar Silamban dikatakan boleh mengatasi serangan musuh dari segenap arah serta mampu mencederakannya.

Kalari-Payat pula merupakan seni kuno India yang terkenal dengan kaedah humbanan, bantingan dan kuncian yang boleh mencederakan dan mematahkan anggota musuh. Seni ini mempunyai tidak kurang dari 400 jenis kuncian dan permainan senjata seperti pedang, tongkat dan pisau adalah di antara pela-

jaran yang terkandung di dalamnya.

d. Ilmu Mempertahanan Diri Pelbagai Bangsa

Judo merupakan seni yang terkenal dengan teknik humbanan ini berasal dari negara Jepun. Setiap ahli Judo boleh menjatuhkan musuh yang dua atau tiga kali ganda besarnya darinya asalkan mengetahui teknik Judo.

Aikido juga berasal dari Jepun. Aikido pula adalah seni yang berkonsepkan menanti serangan musuh sama ada tangan atau kaki, Setiap serangan musuh akan diatasi dengan teknik humbanan dan kunci bertujuan melemahkan musuh dan tidak bertujuan mematahkan atau mencederakan.

Seni beladiri Taekwondo yang berasal dari Korea ini semanginya terkenal dengan berbagai teknik tendangan yang canggih. Seseorang berupaya melakukan tendangan terbang setinggi lapan hingga sepuluh kaki.

Karate-do terkenal dengan teknik tumbukan yang padu dan kuat disamping tendangan pantas yang amat sukar ditangkis. Karate-do menitikberatkan latihan kerana di situlah punca disiplin para ahli.

Di samping teknik kaki yang canggih seni beladiri Tang Soo

Do lebih menitikberatkan soal latihan dalaman. Para pelatih diajar kaedah pernafasan untuk mendapatkan tenaga dalaman yang boleh dimanfaatkan untuk kesihatan dan mempertahankan diri.

Wushu pula adalah seni yang mempunyai berbagai pergerakan alam semula jadi seperti tanah, api air dan angin juga menggayakan pergerakan binatang seperti helang, harimau, bangau dan sebagainya.

iii. Rakan Cinta Alam (The Environment)

Para peserta boleh mengkaji perkembangan bandar dan desa, tempat bersejarah dan budaya, hutan dan rimba, bukit dan gunung, pulau dan pantai, bulan dan bintang, sungai dan hidupan liar.

Bagi yang berminat untuk mendalami program yang berkait rapat dengan Rakan Cinta Alam ini boleh menyertai beberapa pertubuhan seperti Dana Sedunia Alam Semula Jadi Malaysia adalah sebahagian daripada Dana Sedunia Alam Semula Jadi di seluruh dunia. Aktiviti-aktiviti organisasi ini lebih menjurus kepada polisi perkembangan dan kajian saintifik, alam sekitar, pendidikan mengenai alam sekitar dan memberi kesedaran mengenai isu-isu alam sekitar.

Dana Sedunia Alam Semula Jadi telah menjalankan berbagai projek selaras dengan usaha ini. Satu daripadanya adalah kajian tabiat di tanah tinggi seperti di Fraser Hill, Cameron Highland dan Genting Highland.

Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) ditubuhkan dalam tahun 1940. Objektif penubuhan tertumpu kepada usaha menggalakkan kajian, pemeliharaan dan penghayatan khazanah di Malaysia. Contohnya penganjuran lawatan ke tempat-tempat menarik seperti Taman Negara dan ekspedisi-ekspedisi penting seperti projek kajian Malaysia yang berminat dapat menyertai aktiviti seperti ini. Persatuan Pencinta Alam Malaysia mempunyai cawangan di setiap negeri di seluruh negara.

Persatuan Astronomi adalah untuk menjadikan astronomi sebagai bidang sains dan juga sesuatu yang diminati. Untuk mencapai matlamat ini, pelbagai bengkel dan ceramah dianjurkan. Malah persatuan ini juga berusaha untuk membolehkan masyarakat umum menyaksikan peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah alam seingat seperti memerhatikan kejadian gerhana Bulan dan Matahari, melihat komet dan sebagainya. Pada masa yang sama, Rakan Cinta Alam juga boleh melakukan pelbagai aktiviti lain seperti memelihara khazanah alam sekitar.

a. Mengekalkan Kazanah Negara

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang kaya dengan sumber hutan. Hampir 60 peratus bumi Malaysia ditumbuhi dengan tumbuh-tumbuhan. Hutan Hujan Tropika adalah antara hutan yang tertua di dunia. Hutan Tropika mempunyai beribu-ribu jenis spesies tumbuhan yang hidup secara meliar. Setiap tumbuhan mempunyai pelbagai jenis seperti pokok kayu, pokok palma, pokok renek dan menjalar.

Bagi mengekalkan supaya khazanah hutan negara tidak tercemar, persediaan atau pendedahan awal perlu dilakukan dengan lebih terperinci. Antara golongan sasaran yang perlu dimaklumkan dengan pemeliharaan ini adalah golongan remaja.

Kerajaan telah mengambil langkah bijak dengan memperkenalkan Rakan Cinta Alam. Melalui Rakan Cinta Alam golongan remaja akan didedahkan dengan pelbagai jenis program atau bengkel untuk menilai hutan dan peranan terhadap ekosistem. Kemudian golongan remaja juga boleh membuat perkhemahan di kawasan hutan untuk melihat dengan lebih dekat lagi.

Dengan ini rasa tanggungjawab remaja untuk memelihara hutan dapat ditingkatkan. Oleh

sebab itulah tanggungjawab pemeliharaan dan pemuliharaan hutan perlu diserapkan dari golongan remaja lagi supaya hutan negara dapat dipelihara di masa akan datang.

b. Memelihara Tempat Bersejarah

Selain itu program ini juga dapat memelihara tempat bersejarah. Malaysia kaya dengan sejarah tersendiri. Hampir setiap negeri di negara ini mempunyai cerita penubuhannya tersendiri. Melaka merupakan sebuah negeri yang paling banyak mengalami ke-

bangkitan sejarahnya sejak pemerintahan Kerajaan Melayu Melaka sehingga penawan Melaka di tangan tentera Portugis.

Begitu juga dengan Kedah yang tidak lari dari cerita pembunuhan Mahsuri akibat ditiadakan. Negeri Sembilan mempunyai cerita kedatangan masyarakat Minangkabau sehingga mampu menjadi penaung kerajaan negeri dengan terlantiknya Yang Dipertuan Besar. Negeri Pahang, Sarawak dan beberapa buah negeri lain dengan pahlawan yang gagah menentang penjajah. Semua ini adalah gambaran yang menunjukkan kekayaan negara dalam sejarah.



Negeri Melaka yang kaya dengan pelbagai bahan sejarah



Pemeliharaan kawasan sejarah adalah perlu

Sememangnya peristiwa tersebut telah meninggalkan beberapa kawasan bersejarah. Kawasan ini tidak akan mempunyai kesinambungan sekiranya langkah-langkah wajar tiada diambil dari sekarang.

Dengan pelaksanaan Rakan Cinta Alam adalah sebagai satu pemangkin untuk melahirkan generasi yang berjiwa patriotik yang mampu memelihara sejarah negara daripada dilupakan. Oleh itu golongan remaja perlu didedahkan dengan kepentingannya.

Antara program yang sering dilakukan golongan remaja ialah melawat kawasan bersejarah, membuat artikel mengenai ka-

wasan tersebut, drama kepahlawanan dan sebagainya. Oleh itu subjek alam dan manusia yang dipelajari di peringkat rendah adalah antara pendedahan paling awal supaya mereka mengenali kepentingan sejarah di negara ini.

c. Kempen Alam Sekitar

Sejak di alam persekolahan lagi golongan remaja telah didedahkan dalam aspek penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar. Oleh itu Rakan Cinta Alam adalah sebagai satu program yang mampu menarik lebih ramai golongan remaja untuk menyertainya.

Hampir di setiap sekolah diadakan pembersihan yang bertujuan untuk mencantikkan kawasan sekolah. Langkah ini adalah positif bagi memastikan kawasan tersebut tidak kotor dan tercemar. Pelbagai kreativiti yang lazimnya disertai oleh golongan pelajar dan guru untuk mengindahkan kawasan sekolah.

Kedapatan sekolah yang mempunyai kolam air, air terjun, taman bunga yang cantik, taman rekreasi dan sebagainya. Langkah ini adalah bijak untuk menyerap rasa kecintaan golongan remaja terhadap alam sekitar. Oleh itu golongan remaja yang menyertai Rakan Cinta Alam mampu melakukan kerja-kerja ini sama ada di sekolah atau di rumah. Dengan secara tidak langsung akan menambahkan aktiviti mereka dengan kerja-kerja yang lebih bermanfaat.

d. Pengitaran dan Tebus Guna Bahan Buangan

Kes-kes yang berkaitan dengan pencemaran alam sekitar lebih merujuk kepada aktiviti manusia yang suka membuang sisa-sisa buangan atau sampah ke tempat yang tidak sepatutnya. Kawasan yang sering menjadi tempat pembuangan ialah di jalan mati, kawasan lurah, rumah tinggal atau di kawasan lombong. Ada

juga yang membuang sisa-sisa toksid di laut, sungai dan kawasan hutan. Sememangnya kejadian seumpama ini tidak akan berlaku sekiranya terdapat rasa kecintaan terhadap alam sekitar.

Melalui program Rakan Cinta Alam remaja banyak didedahkan dengan keburukan pembuangan bahan-bahan yang tidak diperlukan secara tidak terancang. Mereka diberi tunjuk ajar supaya membuang sampah di kawasan yang ditetapkan.

Selain itu program ini juga turut menggalakkan supaya bahan-bahan terbuang ditebus guna semula. Bahan buangan seperti kertas boleh dikitar semula menjadi kertas akhbar, tisu atau sebagainya, sedangkan botol, plastik atau tin pula boleh digunakan menjadi bekas yang lain pula.

iv. Rakan Seni Budaya (Culture)

Memandangkan Malaysia merupakan salah sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, telah menjadi hasrat kerajaan untuk menyatupadukan masyarakat dari akar umbi. Pendedahan di peringkat remaja adalah penting untuk memastikan mereka menyedari bahawa Malaysia mempunyai kelebihan dalam pelbagai sudut yang berkaitan dengan seni.

Pendedahan boleh dibuat dalam bentuk kesenian. Remaja boleh menceburi Rakan Seni Budaya untuk mendedahkan kepada penulisan kreatif, grafik, muzik, fotografi, drama dan banyak lagi.

a. Penulisan Kreatif

Rakan Seni Budaya merupakan salah satu program yang paling luas dan amat menarik apabila disertai. Program ini bukan sahaja boleh mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kebudayaan yang terdapat di negara ini bahkan boleh menceburi untuk menjiwai kehalusan sesuatu kebudayaan.

Aktiviti ini mendedahkan kepada golongan remaja tentang penulisan mengikut kreativiti golongan remaja. Penulisan kreatif seperti novel, drama, skrip dan sebagainya boleh dijadikan sebagai pemangkin untuk menimbulkan rasa minat mereka terhadap penulisan. Ekoran daripada itu juga golongan remaja boleh menyertai pelbagai jenis program pementasan yang sering diadakan di sekolah dan beberapa pertubuhan kebudayaan lain.

b. Selami Kebudayaan

Malaysia merupakan salah se-

buah negara yang kaya dengan pelbagai kebudayaan. Asal-usul keturunan yang berlainan seperti masyarakat Melayu, Cina, India dan Bumiputera yang lain telah mewujudkan kebudayaan yang unik.

Melalui Seni Budaya, golongan remaja akan didedahkan dengan pelbagai bentuk kebudayaan yang berkaitan dengan sesuatu kaum. Misalnya dalam seni tarian, mereka boleh belajar tarian kuda kepang, zapin dari masyarakat Melayu, tarian singa dan naga daripada masyarakat Cina atau tarian klasik India dan bhangra daripada masyarakat India. Mereka juga boleh mengetahui asal-usul tarian tersebut dengan lebih khusus lagi.

Pada masa yang sama juga golongan remaja akan didedahkan dengan masakan pelbagai rasa yang sungguh enak. Masyarakat Melayu amat menggemari rendang, masyarakat Cina dengan masakan alami, India lebih kepada kari dan sebagainya. Selain itu kuih muih tradisional seperti kuih baulu, bulan atau tose.

Selain itu mereka juga akan diserapkan dengan beberapa pengajaran dalam agama. Masyarakat Melayu yang menganut agama Islam turut diketahui oleh golongan remaja dari masyarakat lain dan begitu juga sebaliknya. Oleh itu boleh dikatakan semua

yang berkaitan dengan kebudayaan boleh dilakukan apabila menceburi program ini.

v. Rakan Reka Cipta (Innovations)

Rakan Reka Cipta merupakan satu program yang menuntut daya imiginasi remaja untuk melahirkan pelbagai barangan untuk tujuan komersil. Walaupun terdapat pelbagai barangan yang dihasilkan melalui teknologi moden, namun penciptaan terutama dari kalangan remaja adalah perlu. Ini disebabkan remaja akan menjadi pemimpin


di masa hadapan dan tentunya memerlukan perubahan dari pelbagai sudut.

Dasar kerajaan menggalakkan penciptaan terutama di peringkat sekolah. Setiap tahun kerajaan akan menganjurkan penciptaan pelbagai jenis barangan yang berkaitan dengan kegunaan masyarakat masa kini.

Penghasilan barang-barang tersebut mendapat galakan dari pihak sekolah. Oleh itu pertandingan dilakukan untuk mencungkil bakat ramai tenaga muda. Dengan adanya program Rakan Muda, sudah pasti penciptaan lebih ramai dari golongan remaja.



Sate adalah hidangan yang digemari semua kaum



Pelbagai barangan yang mampu dihasilkan rakyat Malaysia

Selain itu kerajaan juga telah memanggil pulang ramai saintis yang berkhidmat di luar negara. Ini merupakan langkah bijak kerana dengan kembalinya para saintis ini dijangka akan dapat melahirkan lebih banyak penciptaan.

Penciptaan bukan sahaja tertumpu kepada penghasilan barang-barang, tetapi juga kepada teknologi yang berasaskan teknologi maklumat. Penciptaan pelbagai program dalam teknologi maklumat dijangka lebih baik kerana apabila tertubuhnya MSC kelak, sudah pasti lebih banyak teknokrat diperlukan sebagai pengisian dalam projek raksasa tersebut.

vi. Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir (Entrebeurship)

Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir adalah satu program yang menekankan aspek perniagaan. Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir ini lebih menjurus kepada penerapan unsur-unsur perniagaan kepada golongan remaja supaya memberi pendedahan kepada mereka.

Dunia moden yang akan dilalui negara menjelang alaf akan datang memerlukan sistem perniagaan yang canggih. Penerapan asas dalam selok-belok perniagaan dijangka akan dapat membantu melahirkan ahli per-

niagaan yang mampan suatu hari nanti.

Oleh itu kerajaan dan pelbagai pihak swasta yang lain telah menyediakan lebih banyak kos pendidikan yang berkaitan dengan perniagaan. Bahkan sejak di sekolah menengah rendah lagi, pendidikan yang berkaitan perniagaan telah diperkenalkan.

Di pusat-pusat pendidikan pula, pelbagai kursus bertaraf sijil, diploma atau ijazah kepada pelajar yang lulus dalam amali. Segala sijil-sijil ini sebagai pengiktirafan kepada pelajar yang berjaya dalam bidang yang dipelajari.

Selain itu terdapat beberapa program kursus motivasi berkaitan perniagaan untuk golongan remaja yang berpotensi. Remaja akan didedahkan dengan pelbagai program untuk memastikan tahap pencapaian, kesungguhan dan kebolehan dalam mengendalikan sesuatu perniagaan.

Penerapan yang luas dalam dunia perniagaan dijangka dapat mengisi masyarakat niaga menjelang alaf akan datang. Perniagaan yang dilalui remaja lebih bersifat universal kerana terpaksa berhubung dengan ahli perniagaan dari negara luar. Selain itu remaja juga diperkenalkan dengan perniagaan tanpa sempadan setelah siapnya Koridor Raya Multimedia (MSC) kelak.

vii. Rakan Kecergasan (Physical Fitness)

Pencapaian negara dalam dunia hari ini menyaksikan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia tidak menjaga tahap kesihatan yang baik. Pelbagai penyakit yang dihidapi mereka seperti lemah jantung, diabetes dan sebagainya. Penyakit ini menjadi ancaman kepada masyarakat Malaysia pada masa akan datang sekiranya tidak terdapat pendedahan dalam aspek pemakanan.

Memandangkan golongan remaja adalah pemangkin negara pada masa hadapan, kerajaan memperkenalkan Rakan Kecergasan yang menekankan aspek kesihatan. Pelbagai aktiviti sukan yang diperkenalkan seperti senamrobik, larian tahunan dan sebagainya. Selain itu kerajaan juga telah menubuhkan pelbagai kelab sukan, taman rekreasi dan sebagainya.

Dari sini golongan remaja boleh melakukan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan. Penjagaan kesihatan boleh mengekalkan stamina dan kecergasan remaja. Ini disebabkan badan yang cergas boleh menyebabkan minda menjadi cerdas juga.

Selain itu kerajaan mengalu-alukan supaya dapat melahirkan rakyat yang sihat di masa hadapan. Oleh itu penyediaan awal perlu bermula dari sekarang.

Terdapat banyak aktiviti yang boleh mengisi masa lapang remaja. Remaja tidak akan membuang masa atau melakukan aktiviti yang boleh menyebabkan kerugian kepada remaja dan negara.

viii. Rakan Masyarakat (Community Service)

Rakan Masyarakat merupakan satu gaya hidup yang sering dilakukan terutama di kalangan remaja yang berada di luar bandar. Program ini sangat berguna untuk melahirkan remaja yang berkualiti sejajar dengan kehendak kerajaan.

Peserta dilatih dari segi kepimpinan untuk membina semangat, paramedik, khidmat nasihat dan program mentor yang lain. Penerapan nilai murni, mulia dan penyayang yang diwarisi akan memantapkan lagi para peserta dalam usaha membangunkan masyarakat, negeri dan seterusnya negara.

a) Rakan Kenduri

Rakan kenduri adalah satu program yang menggalakkan golongan remaja turut serta dalam aktiviti yang berkaitan dengan majlis perkahwinan atau sebagainya. Rakan kenduri ini akan membantu melicinkan pengurusan yang berkaitan dengan pe-

nyediaan kelengkapan kenduri-kendara. Lazimnya setiap kampung mempunyai remaja yang membantu dalam pengurusan, walaupun secara tidak formal.

b) Rakan Masjid


Rakan masjid adalah satu cara untuk mendekatkan remaja kepada ajaran Islam. Rakan masjid akan mengajar remaja mengenai agama secara menyeluruh. Di samping itu juga Rakan Masjid diharapkan dapat membantu kariah masjid menjalankan pengurusan apabila terdapat sesuatu majlis seperti pembacaan al-Quran, ceramah, bacaan tahlil, pernikahan dan sebagainya.

c) Rakan Gotong-royong

Rakan gotong-royong pula merupakan salah satu aktiviti yang lebih menekankan pada aspek tugasan. Gotong-royong yang dilakukan ini mencakupi kerja-kerja pembersihan sungai, longkang, jalan raya dan sebagainya. Lazimnya aktiviti ini akan dilakukan secara usaha sama dengan masyarakat tempatan.

ix. Rakan Rekreasi (Recreation)

Rakan rekreasi merupakan gaya hidup yang paling menarik kerana melibatkan pelbagai aktiviti



Terdapat masjid yang diselenggarakan oleh golongan remaja

yang diminati golongan remaja. Antara aktiviti yang ditawarkan dalam Rakan Rekreasi ialah meneroka alam angkasa, menyelami dasar lautan, mempelajari permainan tradisional, berkhemah, merendah hutan belantara dan sebagainya.

Lazimnya aktiviti ini akan dilakukan pada musim cuti. Setiap remaja akan diberikan pendedahan secara terperinci dan khidmat nasihat apabila menceburi sesuatu aktiviti yang dikehendaki. Ini bukan sahaja memberi keseronokan, tetapi golongan remaja dapat mempelajari sesuatu yang baru.

Kebanyakan remaja hari ini hanya didedahkan dengan aktiviti yang hanya melibatkan kurikulum sekolah sahaja. Oleh itu amat jarang diberi pende-

dahan mengenai aktiviti sekolah yang menyeronokkan. Apabila ditawarkan dengan aktiviti yang mencabar, sudah pasti golongan remaja dapat membina fizikal dan mental diri dengan lebih baik.

Selain mendapat keseronokan dan tunjuk ajar daripada guru pelatih yang berkemahiran, golongan remaja juga dapat menyelami sesuatu aktiviti dengan cukup baik sekali. Antaranya ialah dapat menyaksikan sendiri keindahan alam di dalam lautan, hutan dan sebagainya. Oleh itu mereka akan menjadi golongan yang bertanggungjawab untuk memelihara alam sekitar dan sebagainya.

Selain itu mereka juga dapat menyaksikan sendiri cara permainan tradisional dihasilkan

sama ada dari cara penghasilan sehinggalah cara memainkan permainan tersebut. Antara permainan tradisional yang masih mendapat sambutan sehingga kini ialah gasing, wau, congkak dan sebagainya. Permainan sepak raga telah dikomersilkan menjadi salah satu permainan antara bangsa.

x. Briged Rakan Muda (Unifomed Corps)

Briged Rakan Muda merupakan satu pertubuhan yang berbeza antara kelab yang lain. Briged ini diwujudkan supaya dapat menyegarkan semula suasana lesi di kalangan institusi swadaya yang bertindak sebagai kumpulan teras untuk menampilkan identiti diri di setiap kumpulan sasaran. Dengan semangat dan ketahanan diri ini akan menjadi benteng

yang kuat menentang gejala negatif dari dalam dan luar negara.

Oleh itu setiap remaja sama ada masih di bangku sekolah atau sudah menamatkan alam persekolahan wajar menjadi ahli pertubuhan yang berkaitan dengan badan sukarela. Misalnya di sekolah, terdapat banyak pertubuhan yang ditubuhkan seperti kadet tentera, kadet bomba, bulan sabit merah, pertubuhan St. John dan pandu puteri. Setiap pertubuhan ini dibentuk untuk mendisiplinkan golongan remaja dan membantu masyarakat yang berada di sekeliling.

Selain membantu dan mendisiplinkan diri, tersemat tanggungjawab untuk berbakti pada negara. Ada juga pertubuhan yang melakukan kerja-kerja amal untuk memberi faedah kepada semua golongan.

BAB 4

KEWUJUDAN RAKAN MUDA UNTUK GOLONGAN REMAJA

Malaysia merupakan salah sebuah negara membangun yang paling aktif dalam pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar adalah sebanyak lapan peratus setiap tahun. Kebangunan dalam segala hal adalah kesan daripada inisiatif kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Hanya pada hujung tahun 1997 dan tahun 1998 ekonomi negara berada dalam kegawatan.

Golongan remaja merupakan satu golongan yang sedang mengalami perubahan dari segi segi fizikal dan mental. Oleh itu golongan remaja paling mudah terdedah kepada masalah sosial. Ini disebabkan sikap ingin tahu remaja yang menyebabkan terjerumusnya ke lembah tersebut.

Menyedari hal ini kerajaan telah melancarkan satu program yang berkait rapat dengan golongan remaja. Golongan remaja yang berusia 15 hingga 25 tahun adalah sebagai pemangkin untuk merealisasikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020. Oleh itu adalah wajar sekiranya kerajaan memberi tumpuan kepada golongan

remaja yang bakal menerajui negara.

Umumnya pelancaran Rakan Muda adalah lebih menjurus kepada usaha untuk mengekang masalah remaja yang semakin menular. Selain daripada itu juga kerajaan mampu melahirkan remaja yang berdaya tahan, berdaya maju, dinamik, progresif dan berinovatif. Dengan ini boleh dikatakan bahawa Rakan Muda adalah program yang sememangnya diminati bukan hanya untuk mengekang masalah remaja tetapi juga mampu melahirkan remaja yang berkualiti.

Terdapat sepuluh gaya hidup atau aktiviti yang dijalankan oleh Rakan Muda mengikut kecenderungan remaja itu sendiri. Ini disebabkan kerajaan tidak mahu remaja terikat dengan satu-satu program yang disukai. Oleh itu pemilihan sebanyak 10 program adalah wajar. Dalam pada itu terdapat beberapa faktor yang mendorong kerajaan memperkenalkan Rakan Muda. Antaranya:

- i. Penagihan dadah
- ii. Kegiatan samseng
- iii. Masalah jenayah

- iv. Aktiviti lepak
- v. Lumba haram
- vi. Lari dari rumah
- vii. Tonton video lucah
- viii. Seks bebas
- ix. Tiada cita-cita
- x. Sentimen perkauman
- xi. Vandalisme
- xii. Hedonisme

i. Penagihan Dadah

Remaja merupakan golongan yang paling banyak terjebak dalam kancah penagihan dadah. Masalah penagihan ini telah lama berlaku sebelum kerajaan mengisytiharkan dadah sebagai musuh utama negara. Terdapat banyak faktor yang menjerumuskan remaja ke kancah penagihan dadah. Antaranya faktor mendorong ialah sikap remaja itu sendiri.

Golongan remaja adalah golongan yang sering ingin mencuba sesuatu yang baru. Mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mengetahui lebih lanjut tentang perkara yang tidak pernah dirasai. Oleh itu mereka akan melakukannya tanpa memikirkan risiko.

Lazimnya penagihan dadah yang dialami remaja terdiri daripada golongan remaja yang telah menghisap rokok. Untuk mendapat kepuasan mereka akan mencuba menghisap dadah untuk mendapat keseronokan.

Faktor kedua pula ialah desakan rakan sebaya. Lazimnya rakan sebaya mudah mendesak remaja untuk turut serta. Rakan sebaya cuba mempengaruhi mereka untuk mencuba sesuatu yang baru. Remaja yang inginkan keseronokan, akan melakukan apa sahaja dan ini telah menyebabkan mereka terjebak dalam penagihan dadah.

Selain itu penagihan dadah juga berlaku disebabkan gangguan emosi. Remaja yang kurang mendapat perhatian keluarga sama ada ibu bapa sentiasa sibuk atau tekanan keluarga yang ramai atau miskin memudahkan remaja terjebak dalam penagihan dadah.

ii. Kegiatan Samseng

Masalah samseng di kalangan remaja bukanlah masalah yang masih baru. Masalah ini telah wujud sejak beberapa dekad dan menjadi semakin serius apabila masalah ini terus menular di kalangan remaja pada kadar yang tinggi.

Masalah samseng yang suatu ketika dulu hanya dilakukan oleh remaja yang tercicir di alam persekolahan, tetapi kini masalah ini turut ditimbulkan oleh remaja yang masih bersekolah. Masalah samseng dilakukan di kawasan yang tersembunyi tanpa pengetahuan pihak seko-

lah. Kejadian mengugut, memukul dan sebagainya sering dilakukan di tandas, hujung padang, taman rekreasi, belakang kantin dan sebagainya.

Terdapat banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan kejadian samseng tersebut. Antaranya ialah sikap ingin mendapatkan wang dengan mudah. Lazimnya kejadian mengugut dilakukan oleh golongan remaja senior yang mempunyai beberapa kumpulan. Salah seorang daripada mereka akan mengugut pelajar yang lebih junior atau bersendirian. Ugutan wang lebih menjurus kepada remaja yang tergolong dalam keluarga bera-

da. Dengan ini wang akan lebih mudah diperolehi.

Ugutan juga sering didominasi oleh remaja yang tidak bersekolah. Lazimnya remaja itu tidak mempunyai kerja sanggup memeralatkan remaja yang sedang bersekolah. Dengan cara ini mereka dapat mencari wang dengan jalan mudah. Selain itu terdapat ugutan yang dilakukan untuk melindungi pelajar-pelajar daripada kumpulan samseng yang lain.

iii. Masalah Jenayah

Selain daripada masalah sam-



Peras ugut dilakukan untuk mendapatkan wang



Remaja boleh dipulihkan di pusat-pusat pemulihan

seng, yang dilakukan di kawasan sekolah terdapat sebilangan remaja yang juga mampu melakukan di kawasan umum. Masalah ini lebih berkaitan dengan kejadian menceluk saku, mencuri, pecah rumah dan sebagainya.

Menceluk saku sering berlaku di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai. Antara kawasan sasaran ialah stesen bas, panggung wayang, pusat membeli-belah dan di dalam kenderaan. Lazimnya remaja mempunyai kepakaran yang tidak disedari oleh orang ramai.

Kejadian mencuri juga dilakukan di pasar raya, rumah dan

kedai. Barang-barang yang dicuri bukan hanya tertumpu kepada wang ringgit, tetapi barang lain yang berharga seperti emas, kenderaan dan sebagainya. Kecurian tidak hanya dilakukan pada waktu malam tetapi juga waktu siang.

Kejadian pecah rumah juga sering dilakukan oleh golongan remaja. Lazimnya kejadian pecah rumah ini dilakukan di kawasan perumahan yang terpencil terutama di kampung. Barang kecurian mencakupi wang, barang kemas dan sebagainya. Lazimnya kejadian pecah rumah dilakukan pada waktu malam.

iv. Aktiviti Lepak

Kejadian lepak dari remaja sering kedengaran dewasa ini. Sindrom budaya lepak tidak hanya menular di kalangan remaja bandar tetapi juga di kalangan remaja yang mendiami kawasan luar bandar.

Masalah remaja lepak di pusat-pusat membeli belah, panggung wayang, pusat-pusat hiburan, taman rekreasi adalah antara gejala yang banyak membawa keburukan. Remaja yang suka melepak sering mengabaikan pelajaran. Mereka lebih suka duduk bersenang-senang tanpa melakukan aktiviti yang sihat.

Pada masa yang sama remaja juga bebas melakukan beberapa perlakuan yang tidak elok. Antaranya menghisap rokok, mengu-sik mereka yang lalu-lalang dan melakukan jenayah kecil. Di kawasan rekreasi pula kebanyakan remaja akan duduk ber-dua-duaan antara lelaki dan perempuan. Apabila ini berlaku sudah pasti membawa kesan yang tidak baik.

Bagi remaja yang sudah bekerja, pengabaian terhadap tugas sering berlaku. Mereka tidak bertanggungjawab melakukan tugas dan hanya suka menghabiskan masa dan pulang lebih awal. Bahkan ada di kalangan mereka yang sanggup pulang untuk lepak bersama rakan-rakan yang lain.

v. Lumba Haram

Lumba haram merupakan aktiviti yang paling digemari oleh golongan remaja yang memiliki kenderaan. Mereka kerap melakukan aktiviti ini tanpa mengira tempat dan masa. Di bandar-bandar besar kejadian lumba haram sering berlaku di kawasan yang sentiasa sibuk. Mereka akan melakukan aktiviti ini pada waktu malam apabila bilangan jumlah kenderaan telah berkurangan.

Ada juga lumba haram yang dilakukan di jalan-jalan besar seperti lebu-lebu raya atau sebagainya. Lazimnya golongan remaja berlumba secara berkumpulan. Seringkali pertandingan berupa yang menjadi pertaruhan diadakan. Selain menaiki menunggang motosikal mereka juga memandu kenderaan.

Sememangnya aktiviti lumba haram ini bukan sahaja membahayakan diri penunggang, tetapi juga pemandu yang lain. Seringkali berlaku kejadian kemalangan yang membabitkan pelumba haram ini. Bahkan bilangan motosikal yang paling ramai menemui maut di jalan raya.

Walaupun pihak berkuasa seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan polis telah mengambil tindakan, tetapi golongan remaja sering tidak serik dan masih melakukan aktiviti yang membahayakan ini.

vi. Lari Dari Rumah

Golongan remaja adalah golongan yang sedang menuju peralihan alam kanak-kanak ke alam dewasa. Oleh itu mereka sukar untuk membezakan keadaan diri mereka sama ada masih di alam kanak-kanak atau alam dewasa.

Pada masa yang sama fizikal mereka turut berubah menjadi golongan dewasa. Dari segi mental pula lebih sensitif dengan hal-hal yang berkait-rapat dengan peribadi. Oleh itu golongan ini sudah tentunya ingin perhatian yang lebih wajar berbanding golongan yang lain.

Sememangnya masalah remaja lari dari rumah adalah kesan daripada tekanan yang dihadapi mereka. Remaja kurang mendapat perhatian ibu bapa yang sentiasa sibuk dengan tugas-tugas seharian atau tidak mempunyai masa untuk mendengar masalah yang dihadapi. Oleh itu mereka merasakan seperti satu pengabaian.

Lazimnya remaja yang lari dari rumah akan pergi mendapatkan rakan yang sudah bekerja. Mereka akan menumpang di rumah tersebut dan cuba membina hidup sendiri bersama rakan-rakan yang lain.

Pada masa yang sama terdapat di kalangan remaja yang terus terjebak dalam pelbagai aktiviti yang tidak sihat. Mereka

lebih mudah melakukan aktiviti kurang sihat ini disebabkan ketiadaan golongan yang memberi perhatian sewajarnya. Oleh itu secara tidak langsung kes remaja yang lain dari rumah sedikit sebanyak telah meningkatkan kadar jenayah di kalangan mereka.

vii. Tonton Video Lucah

Menonton video lucah, buku lucah dan perlakuan yang sumbang adalah antara beberapa sikap negatif yang banyak dilakukan oleh remaja. Mereka sering menonton filem lucah bersama-sama rakan sebaya sama ada di rumah atau di tempat-tempat yang sukar untuk dikenalpasti. Terdapat juga golongan remaja yang suka membaca bahan-bahan lucah yang memaparkan gambar-gambar yang boleh menimbulkan perasaan berahi.

Bagi menyaksikan video atau buku lucah, remaja sanggup menanggung risiko daripada pihak berkuasa. Oleh itu mereka banyak menyeludup bahan-bahan tersebut dari pihak yang tidak bertanggungjawab.

Aktiviti yang tidak sihat ini adalah punca golongan remaja melakukan sesuatu yang lebih daripada itu. Oleh sebab itu remaja kerap melakukan hubungan seperti yang pernah ditonton atau dibaca oleh mereka.



Pita-pita lucuh diseludup dari luar negara

Dengan ini boleh dikatakan pengaruh video atau bahan bacaan yang lucuh sedikit sebanyak akan merosakkan akidah remaja itu sendiri.

viii. Seks Bebas

Bagi golongan remaja yang lahir daripada keluarga yang bermasalah atau ibu bapa yang sentiasa sibuk, seringkali pengabaian tentang agama diserapkan dalam jiwa anak-anak. Oleh itu apabila anak-anak yang telah meningkat remaja, perasaan terhadap untuk melakukan sesuatu yang tidak baik akan menular dengan lebih cepat. Ini berbeza dengan remaja yang

mendapat didikan agama yang mencukupi kerana mempunyai pengetahuan tentang baik buruk sesuatu perlakuan.

Dewasa kini golongan remaja yang terjebak dalam hubungan seks begitu jelas kedengaran. Istilah bohsia dan bohdan adalah antara yang diberikan kepada remaja yang suka melakukan aktiviti yang di luar batasan agama. Mereka tidak segan silu apabila memperkatakan seks bebas, bahkan telah ramai di kalangan remaja yang telah melakukan hubungan tersebut sebelum berkahwin.

Semua ini disebabkan didikan agama yang kurang sehingga mereka mampu melakukan perbuatan yang terkutuk. Terda-

pat di kalangan remaja yang melakukan aktiviti menggugurkan kandungan dan tidak kurang juga membuang anak hasil persetubuhan haram tanpa ada perasaan belas kasihan.

ix. Tiada Cita-cita

Remaja yang tidak mempunyai ketahanan atau wawasan untuk memajukan diri sering berada dalam dilema. Golongan ini tidak mengetahui aktiviti yang perlu dilakukan untuk menghadapi masa hadapan.

Golongan yang paling kerap

menghadapi masalah dilema ini terdiri daripada mereka yang tercidir dalam pendidikan. Bahkan terdapat sebilangan remaja yang berpendidikan tetapi masih tidak berupaya mencorak hidup mereka.

Kebanyakan mereka yang tidak mempunyai wawasan kerap melakukan aktiviti yang tidak berguna. Mereka sering melepak atau melakukan beberapa perkara yang membazir. Keadaan ini sedikit sebanyak akan merugikan diri sendiri dan negara kerana tenaga yang mereka ada boleh dijanakan dalam alam pekerjaan.



Remaja ini mempunyai wawasan dalam kerjaya mereka

Sekiranya mereka bekerja, tanggung jawab untuk bekerja tidak sepenuhnya. Mereka akan kembali melakukan aktiviti yang tidak berguna selepas waktu bekerja atau berkerja separuh jalan. Ini disebabkan minat dan kerja yang dilakukan tidak seiring. Oleh itulah setiap remaja perlu mempunyai cita-cita pada diri bagi menghasilkan sesuatu yang baik.

x. Sentimen Perkauman

Sebagai negara yang terdiri daripada pelbagai kaum, Malaysia tidak dapat lari daripada aktiviti yang kadang melahirkan ketidakacuhan terhadap kaum yang lain. Ini disebabkan sesuatu kaum mempunyai kebudayaan tersendiri yang dianggap sensitif.

Bagi golongan dewasa masalah sentimen antara kaum amat sensitif. Mereka akan melakukan sebarang kerja mengikut kewarasan atau kerasionalan tanpa menyentuh perasaan kaum lain. Ini berbeza dengan golongan remaja yang lebih memikirkan kepuasan diri. Mereka akan melakukan apa sahaja aktiviti tanpa memikirkan perasaan kaum lain.

Antara kelakuan yang sering menjadi bualan mereka ialah mengenai kebudayaan, pertuturan, paras rupa dan sebagai-

nya. Kejadian ini bukan sahaja berlaku di luar sekolah, tetapi turut berlaku di dalam sekolah. Bahkan terdapat juga kejadian seperti pergaduhan berlaku antara kaum yang berbeza disebabkan hal-hal yang remeh-temeh.

xi. Vandalisme

Sememangnya harta awam boleh diperolehi di seluruh kawasan sama ada di bandar ataupun di desa. Semua ini memberi manfaat kepada rakyat tanpa mengira usia, keturunan atau agama. Kita hanya perlu mengeluarkan modal yang minima untuk mendapat perkhidmatan yang maksima. Namun yang jelas semua rakyat boleh menikmati kemudahan tersebut tanpa ada sekatan.

Namun kini kerosakan sering dilakukan golongan remaja. Golongan ini terjebak dalam vandalisme. Golongan ini sering memecahkan pondok telefon, mencongeng dinding perhentian bas, mencuri tiang-tiang elektrik atau merosakkan tandas awam. Kawasan taman yang dikotori sampah sarap yang menjijikan. Bahkan ada juga kejadian yang merosakkan rel kereta api sehingga menyebabkan kemalangan.

Masalah vandalisme ini berlaku sama ada di kawasan bandar ataupun desa. Masalah ini telah menyebabkan banyak kero-

sakan yang dilakukan terutama harta awam. Ini disebabkan masih ramai yang memerlukan harta awam untuk pelbagai tujuan. Tambahan pula, tidak semua rakyat yang mampu untuk membeli perkhidmatan tersebut memandangkan kos yang terlalu tinggi.

xii. Hedonisme

Masalah hedonisme merupakan budaya yang mementingkan hiburan semata-mata. Ini sudah pasti memberi kesan yang tidak

baik kepada golongan remaja dan kanak-kanak yang mudah terpengaruh dengan keadaan ini.

Pada zaman akan datang, golongan remaja akan didedahkan dengan teknologi maklumat. Internet turut memasukkan kejadian yang berkaitan dengan tindakan remaja yang sering melakukan jenayah sama ada di sekolah ataupun di luar sekolah. Ini akan memberi kesan yang buruk kepada masyarakat Malaysia yang lebih menitikberatkan nilai-nilai ketimuran.

BAB 5

KAWASAN TUMPUAN JENAYAH REMAJA

Jenayah yang dilakukan oleh golongan remaja mencakupi kawasan yang luas. Antaranya ialah:

- i. Bandar-bandar besar
- ii. Kawasan perindustrian
- iii. Persekitaran sekolah
- iv. Pekan kecil
- v. Stesen bas dan kereta api
- vi. Di dalam bas

i. Bandar-bandar Besar

Umumnya golongan remaja ingin mendapatkan keseronokan

dan kebebasan secara total. Ramai di kalangan mereka berhijrah ke bandar-bandar besar. Antara bandar-bandar besar yang menjadi sasaran remaja ialah Kuala Lumpur, Johor Bahru, Shah Alam dan Ipoh.

Lazimnya bandar-bandar besar memberi peluang yang terbuka sama ada dari segi peluang pekerjaan ataupun hiburan. Di kawasan tersebut jenayah boleh dilakukan dengan mudah kerana mempunyai jumlah penduduk yang ramai.

Lazimnya banyak kawasan



Kegiatan jenayah lebih tertumpu di bandar-bandar besar



Jenayah juga sering berlaku di pasar-pasar malam yang sesak

yang menjadi aktiviti jenayah. Antaranya di pusat-pusat membeli-belah. Golongan remaja yang mempunyai keluarga yang mewah menjadikan pusat-pusat membeli belah sebagai tempat untuk melepaskan bosan selepas belajar. Oleh itu kawasan inilah yang menjadi tumpuan pemerang ugut.

Selain mengganggu pengunjung, terdapat remaja yang mengambil kesempatan mencopet wang. Ini disebabkan remaja memerlukan wang di samping melepak di pusat tersebut. Oleh itulah mereka berani melakukan kejadian tersebut.

ii. Kawasan Perindustrian

Kebanyakan remaja bosan untuk belajar dan ingin menceburi bidang pekerjaan. Oleh itu penumpuan lebih diberikan di kawasan-kawasan yang banyak peluang pekerjaan. Kawasan perindustrian seperti Shah Alam, Bandar Baru Bangi, Nilai dan beberapa kawasan perindustrian yang menjadi sasaran utama mereka.

Umumnya tidak semua kilang menyediakan gaji yang lumayan. Tambahan pula terdapat remaja yang tidak mempunyai kelayakan untuk bekerja

seperti tidak mempunyai sijil atau umur yang mencakupi. Oleh itu remaja cenderung untuk melakukan jenayah untuk mencari wang atau sebagainya. Terdapat juga jenayah yang melibatkan remaja dengan pekerja asing.

iii. Persekitaran Sekolah

Sekolah merupakan kawasan yang menjadi tumpuan kegiatan peras ugut oleh remaja. Hampir 60 peratus aktiviti ini dilakukan di kawasan sekolah tidak kira sama ada di dalam kelas, perpustakaan, kantin atau di luar sekolah.

Lebih 70 peratus golongan remaja yang melakukan peras ugut terdiri dari kalangan remaja yang masih dibangku sekolah. Lazimnya remaja yang lemah atau golongan berada menjadi mangsa peras ugut.

Selain itu kegiatan seperti pergaduhan juga sering dilakukan. Pergaduhan berlaku dengan lebih kerap walaupun mengenai perkara-perkara yang kecil. Antara kawasan yang menjadi tumpuan pergaduhan ialah padang, belakang sekolah atau luar sekolah.

iv. Pekan Kecil

Bagi sekolah yang berhampiran

dengan pekan-pekan kecil, turut menjadi tumpuan jenayah remaja. Lebih kurang 20 peratus kegiatan jenayah berlaku di sini. Ini disebabkan remaja yang pulang ke sekolah tertumpu di pekan sama ada untuk menunggu bas atau sebagainya.

Peluang ini kebiasaannya diambil oleh remaja nakal untuk melakukan jenayah bagi mendapatkan wang. Lazimnya mereka dibantu oleh remaja yang lebih dewasa atau tidak sekolah untuk menamatkan pelajar lain. Ada juga golongan ini memeras ugut untuk mendapatkan perlindungan yang kononnya dapat menghindarkan remaja dari terkena ugutan kumpulan lain.

Selain itu pekan-pekan kecil mempunyai lorong-lorong kecil turut menjadi tumpuan remaja membuat jenayah. Ini disebabkan lorong-lorong kecil bebas dari penglihatan umum menyebabkan jenayah lebih mudah dilakukan.

Ada juga kegiatan jenayah yang turut dilakukan oleh golongan penagih dadah yang kebiasaannya mendiami kawasan tersebut. Oleh sebab itulah masalah jenayah sukar untuk dibanteras secara total.

v. Stesen Bas dan Kereta Api

Pada hari-hari perayaan stesen bas dan kereta api menjadi tum-

puan umum untuk pulang ke kampung masing-masing. Pada masa yang sama golongan remaja sering melakukan pelbagai jenayah. Antara jenayah yang dilakukan di kawasan tersebut ialah menyeluk saku, mencuri, memeras ugut dan sebagainya. Kaum wanita dan remaja adalah golongan yang sering menjadi mangsa.

Umumnya kegiatan jenayah ini dilakukan secara berkumpulan. Ada juga aktiviti jenayah yang dilakukan dengan didalangi oleh orang lain. Oleh itu pihak berkuasa sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga untuk memastikan jenayah tidak berlaku di kawasan awam seperti ini.

vi. Di dalam Bas

Jenayah remaja turut berlaku di dalam bas. Bas yang dipenuhi oleh penumpang kerap menjadi tumpuan remaja. Remaja yang terlibat dalam jenayah curi ini biasanya berdiri di sebelah mangsa. Dengan perlahan-lahan dan tanpa dapat dikesan, mereka akan mencantas beg duit mangsa. Kemudian mereka akan keluar dari bas setelah mendapat hasilnya.

Ada juga remaja yang menyelukkan tangan ke poket mangsa. Oleh kerana keadaan yang sesak dan berhimpit-himpit menyebabkan mangsa tidak menyedarinya. Sungguhpun kejadian ini tidak berleluasa, tetapi perlu mendapat perhatian semua pihak.

BAB 6


KEJAYAAN RAKAN MUDA

Setelah beberapa tahun penubuhan Rakan Muda, pencapaian golongan remaja menampakkan perubahan. Pencapaian ini merupakan satu faedah untuk golongan remaja menjadi seorang yang berguna pada masa hadapan.

Walaupun Rakan Muda merupakan satu gaya hidup yang diperkenalkan kerajaan sebagai pengisian masa lapang, tetapi amat berguna untuk remaja. Antara pencapaian yang ditun-

jukan dalam Rakan Muda ialah:

- i. Memenuhi masa secara berfaedah
- ii. Melahirkan golongan remaja berkualiti
- iii. Wujudkan masyarakat penyayang
- iv. Semangat gotong-royong
- iv. Pendidikan agama
- v. Persefahaman antara kaum
- vi. Melahirkan golongan pemimpin berwawasan
- vii. Pemangkin sukan negara



Remaja ceria merupakan remaja yang berwawasan



Remaja boleh menyambung semula pelajaran melalui pendidikan jarak jauh

i. Memenuhi Masa Secara Berfaedah

Golongan remaja yang berumur antara 15 hingga 25 tahun merupakan golongan yang masih menuju ke era peralihan untuk membentuk diri sendiri pada masa hadapan. Lazimnya golongan ini masih berada di alam persekolahan sama ada di sekolah menengah rendah, sekolah menengah ataupun di institusi pengajian tinggi.

Seciranya dihitung dari segi masa, golongan ini masih mempunyai peluang yang cukup luas untuk mengisi dengan aktiviti yang berfaedah. Cuti penggal, cuti semesta dan sebagainya memberi

cukup ruang untuk mereka membuat aktiviti yang berguna.

Melalui Rakan Muda yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah sebagai satu inisiatif untuk mengekang remaja daripada melakukan aktiviti yang tidak berguna. Mereka boleh melakukan sebarang aktiviti tertakluk kepada keaktifan badan tersebut mengendalikan program yang memberi manfaat. Lazimnya program Rakan Muda akan mendapat pembiayaan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk memastikan setiap ahli yang menyertai mendapat faedah bersama.

Sehingga kini seramai lebih daripada 1.4 juta ahli telah dila-

porkan menganggotai Rakan Muda. Dengan bilangan yang begitu ramai memudahkan Rakan Muda mencari program yang lebih meluas. Antara aktiviti yang dijalankan Rakan Muda mempunyai hubungan rapat kebajikan seperti melakukan aktiviti menolong membersihkan kawasan kediaman, menerokai alam sekitar, mencungkil bakat dan sebagainya. Dengan ini masa yang terluang boleh diisi dengan agenda yang bermanfaat dan ini adalah sebagai salah satu mengekang masalah yang sering ditimbulkan oleh golongan remaja masa kini.

ii. Melahirkan Golongan Remaja Berkualiti

Selain mengisi sama terluang, Rakan Muda ditubuhkan adalah untuk melahirkan golongan remaja yang berkualiti. Sebelum Rakan Muda dilancarkan kebanyakan golongan remaja lebih menghabiskan masa dengan aktiviti yang merugikan. Ini sudah pasti memberi kesan kepada negara terutama apabila golongan tersebut melakukan perbuatan yang tidak baik.

Rakan Muda diperkenalkan untuk menjadikan remaja berkualiti dari segala segi sama ada yang berkaitan dengan kepimpinan, bakat atau wawasan mereka. Remaja yang mempunyai

bakat kepimpinan boleh diketengahkan menjadi pemimpin untuk memimpin remaja yang lain. Oleh itu Rakan Wira Mahir dan Wira Usaha adalah antara gaya hidup yang lebih menekankan kepada pemimpin yang baik.

Selain itu remaja juga boleh melakukan pelbagai aktiviti yang dirasakan sesuai dengan jiwa mereka. Dengan adanya aktiviti seperti ini sedikit sebanyak akan melahirkan remaja yang berkualiti dan berdaya maju menjelang kedewasaan mereka.

iii. Wujudkan Masyarakat Penyayang

Sebagai negara membangun perkembangan ekonomi negara berada di tahap yang memuaskan. Pada masa yang sama juga kebangunan dari segi sahsiah masyarakat turut ditingkatkan. Menyedari hal inilah kerajaan terus berusaha supaya Rakan Muda dijadikan sebagai pemangkin ke arah melahirkan masyarakat penyayang.

Lazimnya masyarakat dari golongan miskin menjadi sasaran aktiviti Rakan Muda. Rakan Muda telah mengadakan pelbagai program untuk mendekati diri remaja dengan masalah yang dihadapi oleh golongan yang tidak bernasib baik.

Antara aktiviti yang sering dilakukan ialah pembersihan kawasan kediaman bagi keluarga miskin di kawasan pedalaman, meraikan anak-anak yatim dan melawat golongan tua. Semua ini sedikit sebanyak dapat menyerap perasaan kasih kepada golongan yang tidak bernasib baik.

Selain itu juga golongan remaja yang terdiri daripada keluarga berada boleh menaburkan bantuan kewangan kepada badan-badan yang bertanggungjawab menjaga golongan miskin.

Terdapat juga program anak angkat. Program ini meletakkan beberapa remaja untuk mendiami satu keluarga yang terdapat di kawasan pedalaman. Oleh itu golongan remaja dapat menyelami kehidupan mereka dengan lebih baik lagi dan rasa kecintaan terhadap keluarga tersebut ada walaupun hanya sebagai keluarga angkat.

iv. Semangat Gotong-royong

Kebiasaannya golongan remaja amat jarang didedahkan dengan aktiviti yang melibatkan kumpulan. Mereka lebih senang menghabiskan masa di tempat hiburan, membeli-belah dan bersantai di tepi-tepi jalan. Bahkan terdapat masyarakat di kawasan bandar yang amat jarang bergaul

dengan masyarakat sekeliling. Ini merupakan sikap yang kurang baik kerana jiran tetangga adalah antara orang yang perlu dikenali. Ini penting kerana jiranlah yang akan memberi pertolongan apabila menghadapi kesusahan.

Namun begitu penubuhan Rakan Muda adalah satu langkah yang bijak. Tujuan Rakan Muda bukan sahaja untuk mengisi masa lapang tetapi juga mendidik remaja menjadi seorang yang tahu bermasyarakat.

Antara aktiviti yang ditekankan dalam Rakan Muda supaya menjadi salah satu ahli dalam masyarakat ialah melalui kegiatan gotong-royong membersihkan kawasan rumah, kampung, masjid dan sebagainya. Dengan adanya aktiviti seperti ini golongan remaja dapat bergaul dengan lebih rapat lagi antara satu sama lain. Secara tidak langsung mereka dapat berkenal-kenalan antara satu sama lain dan ini merupakan langkah yang paling wajar sekali dalam membentuk masyarakat yang saling bantu membantu.

iv. Pendidikan Agama

Program yang dimuatkan dalam Rakan Muda bukan hanya sebagai pengisi masa lapang atau melahirkan remaja yang berwasawan, tetapi turut menekankan

aspek akidah. Rakan Masjid dan Surau adalah salah satu aktiviti yang turut dijalankan di bawah program ini. Selain itu terdapat juga aktiviti membaca al-Quran, marhaban dan fardu ain dan sebagainya.

Dengan adanya aktiviti seumpama ini memberi pengajaran yang cukup baik kepada remaja. Bagi golongan yang kurang mendapat perhatian ibu bapa dalam soal agama, mereka mampu mempelajari agama daripada aktiviti ini. Dengan ini boleh dikatakan Rakan Muda memberi banyak manfaat terutama dalam membentuk sahsiah remaja.

v. Persefahaman Antara Kaum

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum. Setiap kaum mempunyai kebudayaan tersendiri. Kepelbagaian ini menjadikan Malaysia sebagai negara yang cukup unik.

Pada masa yang sama juga setiap kaum mempunyai bahasa dan pegangan hidup yang berlainan. Oleh itu sikap toleransi antara kaum adalah penting bagi memastikan rakyat Malaysia hidup dalam harmoni.

Bagi mewujudkan keadaan



Pelbagai kebudayaan boleh didapati di negara ini



Melahirkan remaja berwawasan melalui sistem pendidikan

harmoni antara kaum, pendedahan lebih awal perlu dipupuk. Golongan sasaran yang boleh menjadikan keadaan ini sebagai realiti adalah golongan remaja. Golongan ini perlu didedahkan dengan lebih lanjut supaya tidak berlaku sentiman antara kaum.

Menyedari hal inilah Rakan Muda ditubuhkan bagi memastikan keharmonian terus terjalin. Terdapat banyak program yang dijalankan lebih menjerus kepada persefahaman antara kaum. Namun program yang lebih efektif penglibatan remaja daripada pelbagai kaum ialah Rakan Seni Budaya.

Rakan Seni Budaya menekankan kepada penglibatan re-

maja dalam kesenian, kebudayaan dan sebagainya. Aspek kesenian lebih menjerus kepada memahami sesuatu kesenian secara nasional. Misalnya remaja yang terdiri daripada masyarakat Melayu boleh mempelajari kebudayaan daripada masyarakat Cina atau India dan sebaliknya. Selain mempelajari mereka juga mempraktikkan kesenian seperti tarian, alat muzik dan sebagainya.

Dari segi kebudayaan pula Rakan Muda mampu melahirkan lebih ramai remaja yang aktif dalam pelbagai pertunjukan kebudayaan. Kebudayaan yang berbentuk nasional seperti gabungan kebudayaan Melayu,

Cina, India dan sebagainya perlu dipertontonkan supaya menjadi kebudayaan yang unik.

Selain itu Rakan Muda juga menggilap lebih banyak bakat yang jarang dipertontonkan remaja. Rakan Seni Budaya mampu membentuk minat remaja supaya menjadi sumber pendapatan yang menguntungkan. Sekiranya remaja berminat dalam penulisan, mereka akan diasah dengan corak penulisan yang pelbagai seperti cerpen, novel, drama dan sebagainya. Ini merupakan langkah persediaan untuk menjadi seorang wartawan atau penulis yang berjaya. Ada juga di kalangan mereka yang diserapkan dalam bidang lakonan kerana mempunyai bakat tersebut.

Oleh itu boleh dikatakan Rakan Seni Budaya adalah antara program cara hidup yang mampu menyatukan pelbagai kaum dengan menghayati sesuatu kebudayaan dengan meminggirkan soal yang berkaitan dengan sentimen kaum.

vi. Melahirkan Golongan Pemimpin Berwawasan

Sebagai negara industri pada tahun 2000 dan negara maju menjelang tahun 2020, seharusnya Malaysia mempunyai golongan pemimpin yang berkaliber. Menjelang abad ke-21 menyak-

sikan cabaran yang dihadapi negara lebih sukar kerana terpaksa menangani pelbagai masalah yang mungkin timbul daripada pertumbuhan dan pembangunan yang pesat.

Sememangnya pemimpin yang bakal dilahirkan kelak terdiri daripada golongan remaja masa kini. Oleh itu untuk menghasilkan pemimpin yang berpotensi, nilai kepimpinan remaja perlu digilap dari sekarang.

Rakan Muda boleh dijadikan sebagai pemangkin untuk melahirkan lebih ramai pemimpin yang berpotensi. Gaya hidup yang diperuntukkan dalam Rakan Muda lebih menurus kepada bakat kepimpinan remaja.

Antara program Rakan Muda yang lebih bercorak kepimpinan ialah Briged Rakan Muda, Rakan Masyarakat, Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir dan sebagainya. Semua ini mampu melatih golongan remaja untuk memimpin remaja yang lain. Sekiranya mendapat pendedahan lebih lanjut daripada Rakan Muda, adalah tidak mustahil lebih ramai pemimpin masa hadapan dapat dilahirkan.

vii. Pemangkin Sukan Negara

Tahun 1988 menyaksikan Malaysia menjadi tuan rumah bagi sukan kedua terbesar di dunia. Sukan Komanwel yang diadakan

di negara ini menunjukkan beberapa negara Komanwel mempercayai Malaysia mampu mengendalikan sukan tersebut.

Bagi menyahut cabaran itu seharusnya mutu sukan negara perlu ditingkatkan. Atlit negara perlu bersungguh-sungguh dalam menjalani latihan supaya mutu pencapaian sukan negara setanding dengan negara-negara lain.

Menyedari hal ini program Rakan Muda adalah antara salah satu inisiatif kerajaan untuk melahirkan lebih ramai atlit yang berkaliber. Rakan Sukan adalah gaya hidup yang meny-

jakan pelbagai bentuk kesukanan. Rakan Sukan ini mampu melahirkan lebih ramai olahragawan dalam bidang sukan yang diminati. Selain Rakan Sukan, Rakan Waja Diri dan Rakan Kecergasan juga adalah antara gaya hidup yang berkaitan dengan kesukanan. Dengan ini golongan remaja yang tidak dapat diketengahkan bakat mereka di sekolah boleh mencungkil bakat tersebut dari program ini. Oleh itu boleh dikatakan Rakan Muda adalah antara inisiatif atau pemangkin kerajaan untuk melahirkan lebih ramai atlit negara.

BAB 7**PROGRAM KERAJAAN DALAM
PEMBANGUNAN BELIA DAN REMAJA**

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dan memerlukan golongan remaja untuk mencorak negara di masa hadapan. Oleh itu kerajaan telah mengadakan pelbagai polisi dan akta untuk melahirkan golongan belia yang pragmatik, khususnya golongan remaja.

Antara Kementerian yang terlibat dalam pembentukan remaja yang sahsiah ialah Ke-

menterian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian dan Kementerian Sumber Manusia. Selain itu terdapat 30 badan kerajaan dan bukan kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan golongan remaja.

Dasar Belia Negara (DBN) menjadi asas pembangunan remaja yang digubal Majlis Belia



Semangat patriotik perlu ada dalam jiwa setiap remaja

Malaysia pada tahun 1985. Kerajaan telah melaksanakan satu dasar yang dikenali sebagai Pelan Induk Belia Negara (PIBN) pada Mei 1991 yang memberi tumpuan beberapa aspek seperti:

- i. Malaysia cergas
- ii. Malaysia cemerlang
- iii. Malaysia patriotik
- iv. Malaysia mahir
- v. Malaysia mulia
- vi. Malaysia maju
- vii. Malaysia prihatin
- viii. Malaysia berbudaya

i. Malaysia Cergas

Kerajaan Malaysia mengingin-

kan agar semua rakyat mempunyai kecergasan yang tinggi dan sihat. Oleh itu penekanan perlu diberikan kepada kegiatan sukan dan rekreasi supaya dapat melahirkan masyarakat yang sihat. Penjurusan perlu diberikan kepada golongan remaja yang bakal menjadi golongan belia dan pemimpin di masa hadapan. Kecergasan fizikal boleh menyebabkan mental cerdas dan mampu menerajui negara pada masa hadapan.

ii. Malaysia Cemerlang

Malaysia Cemerlang boleh diserapkan melalui sukan. Oleh itu



Masyarakat disarankan berdaya maju untuk mencapai negara industri

kerajaan amat berharap supaya remaja menjadikan sukan sebagai hobi untuk mencapai kecemerlangan dalam sukan di peringkat antara bangsa. Selain itu juga kerajaan amat menggalakkan supaya remaja juga cemerlang dalam pendidikan. Ini penting supaya negara mampu melahirkan lebih ramai masyarakat yang dinamik di masa hadapan.

iii. Malaysia Patriotik

Masyarakat Patriotik perlu diserapkan dengan sebaik mungkin terutama golongan remaja. Ini berpaksikan Malaysia sebagai negara majmuk yang tentunya inginkan keharmonian yang berpanjangan untuk memastikan Malaysia maju setanding dengan negara lain. Rasa kecintaan terhadap negara adalah sebagai teras untuk menentukan kejayaan Malaysia di peringkat antara bangsa. Dengan ini negara boleh ditonjolkan terutama untuk mencapai kemajuan yang drastik.

iv. Malaysia Mahir

Kepelbagaian sektor ekonomi telah membawa satu perubahan yang cukup besar dalam negara. Malaysia telah mempelbagaikan kemahiran rakyat untuk memas-

tikan ekonomi negara lebih bersifat global. Kemahiran yang diperlukan ini boleh mengukuhkan ekonomi negara dalam jangka panjang. Selain itu kerajaan telah mengambil pendekatan menghantar lebih ramai remaja dan belia ke arena antara bangsa untuk mendapatkan kepakaran dalam pelbagai bidang. Antaranya dalam bidang yang berkaitan dengan pengurusan, penyelidikan, ekonomi dan sebagainya.

v. Malaysia Mulia

Malaysia Mulia yang menjadi sasaran kerajaan adalah untuk memastikan bahawa rakyat Malaysia perlu seimbang dan harmoni dalam aspek intelek, rohani dan jasmani. Ini disebabkan rakyat yang mempunyai pelbagai aspek ini akan melahirkan negara yang maju dan berkebolehan di peringkat antara bangsa.

vi. Malaysia Maju

Negara maju adalah menjadi sasaran kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara terunggul di rantau ini. Penyediaan pelbagai prasarana, teknologi maklumat dan pelbagai sektor yang berkaitan dengan pembangunan menyebabkan

Malaysia menjadi negara yang paling dinamik.

Oleh itu kerajaan turut menggalakkan supaya rakyat terutama golongan remaja mengubah sikap untuk mempelajari lebih banyak ilmu yang berkaitan dengan kemajuan negara. Oleh itu kerajaan mewujudkan lebih banyak intitusi pengajian, kolej dan sekolah bestari sebagai pengisian remaja di masa hadapan.

vii. Malaysia Prihatin

Sebagai negara timur yang masih berlandaskan kemuliaan kemanusiaan, kerajaan turut menekankan aspek prihatin negara terhadap negara lain. Bantuan kemanusiaan dan pertolongan lain diberikan pada negara yang memerlukan bantuan.

Pertolongan kemanusiaan di

Bosnia, Somalia, Indonesia dan sebagainya merupakan satu sikap positif negara dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara yang prihatin.

viii. Malaysia Berbudaya

Memandangkan Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, kerajaan telah menekankan aspek berbudaya. Setiap kaum boleh menonjolkan kebudayaan masing-masing. Ini merupakan satu tarikan pelancong berkunjung ke negara ini.

Selain itu kerajaan juga akan mempelbagaikan kebudayaan supaya lebih ceria dan menarik. Bahkan golongan remaja digalakkan menceburi aktiviti yang berkaitan dengan budaya untuk memastikan budaya tidak hilang begitu sahaja.

BAB 8**RAKAN MUDA MENGHADAPI
CABARAN NEGARA MAJU**

Rakan Muda merupakan gaya hidup yang menjadi asas kepada kelahiran masyarakat berkualiti di alaf akan datang. Oleh itu kerajaan telah menubuhkan Rakan Muda untuk memastikan semua remaja negara ini mempunyai wawasan di masa hadapan.

Penubuhan Rakan Muda adalah sebagai landasan untuk memastikan remaja negara ini menjadi insan yang berguna di

masa hadapan. Dalam setiap gaya hidup diselitkan pelbagai program yang menjadi asas pembentukan remaja yang berkualiti. Antaranya:

- i. Melahirkan pemimpin karisma
- ii. Menghasilkan masyarakat teknologi maklumat
- iii. Mewujudkan masyarakat saintis
- iv. Membentuk masyarakat madani



Remaja digalakkan menceburi bidang sains dan teknologi



Masjid adalah lambang pembentukan masyarakat madani

- v. Mencipta masyarakat serba-boleh

i. Melahirkan Pemimpin Karisma

Golongan remaja berada dalam lingkungan 15 hingga 25 tahun. Pada tahun 2020, remaja akan menjadi golongan dewasa yang dinamik.

Remaja bakal memimpin negara kelak. Oleh itu remaja hari ini perlu mendapat pendedahan dalam pentadbiran supaya menjadi pemimpin yang ber-

karisma. Pembentukan ini dilakukan dengan cara memberi pendedahan terhadap pentadbiran sesebuah organisasi, persatuan dan seterusnya menjawat jawatan yang penting dalam negara.

Pendedahan juga perlu diberikan di peringkat antara bangsa. Pendedahan diberikan semasa golongan remaja berada di sekolah atau pusat pengajian tinggi. Oleh itu pelbagai persatuan diwujudkan di sekolah atau pusat pengajian untuk memastikan golongan remaja mendapat pendedahan awal dalam pentadbiran.

ii. Menghasilkan Masyarakat Teknologi Maklumat

Para remaja bukan sahaja didehkan dengan pentadbiran negara, tetapi juga perlu mendapat pendedahan dengan alat-alat elektronik sebagai perseediaan menuju negara maju menjelang 2020 kelak. Oleh itu sudah menjadi satu kewajipan supaya sekolah menyediakan komputer untuk para pelajar.

Penggunaan internet dan sistem pentadbiran berkomputer dijangka meluas memandangkan kemudahan dalam pentadbiran. Penggunaan teknologi maklumat ini juga dapat memudahkan golongan remaja mendapat pendedahan secara global apabila mendapat ilmu daripada negara luar.

Selaras dengan itu kewujudan Koridor Raya Multimedia atau MSC merupakan tunggak negara maju. Pada masa itu remaja hari ini yang menjana tenaga kerja di MSC. Menyedari hakikat itu peluang remaja untuk meneroka teknologi maklumat perlu diberi penekanan supaya menjadi rezab kepada kepakaran hari ini.

iii. Mewujudkan Masyarakat Saintis

Sejajar dengan pengembangan penggunaan teknologi maklu-

mat, golongan remaja perlu dijuruskan kepada sains dan teknologi. Sains dan teknologi ini berkaitan dengan penciptaan pelbagai hasil yang berbentuk sains untuk dimanfaatkan kepada negara.

Kerajaan sering mengadakan pertandingan yang berkaitan dengan sains. Setiap sekolah diberi imbuan sekiranya berjaya melahirkan pelajar yang inovatif dalam bidang sains.

Penghasilan bukan sahaja tertumpu kepada penciptaan barangan sains dan teknologi sahaja tetapi subjek yang lebih menyeluruh perlu ditekankan. Oleh itu kerajaan telah meningkatkan peratusan aliran sains di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi untuk melahirkan masyarakat saintis di masa hadapan.

Selain itu kerajaan juga menggalakkan pertubuhan badan yang berkaitan sains dan teknologi. Planeterium negara, Taman Teknologi Negara dan banyak lagi untuk memastikan golongan remaja turut serta. Dengan ini minat golongan remaja ke arah ini akan meningkat dengan jayanya.

iv. Membentuk Masyarakat Madani

Sebagai negara Islam dan negara maju, seharusnya kemodenan negara perlu seiring dengan

kerohanian rakyat. Pada masa ini kerajaan turut menekankan masyarakat Madani sebagai simbol kemajuan rohani.

Masyarakat Madani mengelaskan bahawa kemajuan juga perlu seiring dengan keagamaan. Oleh itu pendidikan agama Islam dan moral ditekankan di dalam pendidikan. Ini penting supaya masyarakat yang dilahirkan kelak akan membentuk masyarakat dua serampang iaitu kemajuan dari segi mentaliti dan rohani. Justeru kemajuan yang dicapai lebih bersifat global dan tidak hanya menjurus pada satu-satu aspek sahaja.

Seharusnya golongan remaja perlu melihat sikap negatif remaja di negara-negara barat. Sungguhpun negara mencapai negara maju dari segi material, tetapi aspek kerohanian rakyat tersebut jauh kebelakang. Oleh sebab itulah banyak kejadian pembunuhan, bersekedudukan, penagihan dadah, minum arak dan sebagainya berlaku secara berleluasa dan sukar untuk dikendalikan.

v. Mencipta Masyarakat Serba Boleh

Remaja golongan yang mudah dibentuk sekiranya mendapat pendedahan sejak dari kecil lagi. Oleh itu kerajaan telah melaksanakan pelbagai program untuk memastikan bahawa golongan dewasa yang lahir daripada remaja hari ini akan menjadi masyarakat yang serba-boleh.

Pendekatan kerajaan mewujudkan pelbagai program yang berbeza adalah untuk memastikan semua remaja diberi pendedahan yang sewajarnya. Pendedahan ini merangkumi pelbagai aspek sama ada yang berkaitan dengan perniagaan, kebolehan mereka cipta, mencintai rekreasi, mempelajari teknologi maklumat dan sebagainya.

Semua ini akan diberikan penekanan supaya menjadi masyarakat yang serba boleh suatu hari kelak. Ini penting supaya masyarakat Malaysia akan menjadi satu masyarakat yang serba-boleh dalam negara yang dinamik pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Rakan Muda yang diperkenalkan kerajaan adalah sebagai pemangkin untuk melahirkan generasi yang dinamik di masa hadapan. Rakan Muda telah menggalurkan pelbagai program untuk golongan remaja memilih kerjaya masing-masing.

Oleh itu Rakan Muda ini bukan sahaja boleh melahirkan

masyarakat yang berkebolehan tetapi memastikan remaja sebagai pengisian dalam negara maju.

Rakan Muda bukan sahaja menyentuh dari aspek fizikal tetapi turut memasukkan nilai kerohanian. Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat Madani.